

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Gunakan kuasa undi dengan bijaksana: PM

**KUANTAN, Jumaat** — Rakyat sekali lagi diingat supaya menggunakan kuasa mengundi yang ada pada mereka dengan bijaksana dan jangan mempertarungkan masa depan mereka dengan membuat pilihan yang salah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat ada dua pilihan: Meneruskan pembangunan dengan memilih Kerajaan yang ada atau mengundi orang-orang yang tidak mampu menunaikan janji-janji.

Kerajaan yang ada sekarang tegas beliau ialah Kerajaan yang

berkhidmat untuk rakyat dan ini sudah terbukti dengan wujudnya segala bentuk pembangunan.

Beliau menasihati rakyat supaya menggunakan kuasa mengundi mereka dengan wajar dan jangan terpengaruh dengan dakyah-dakyah membenci Kerajaan.

"Kita perlu kekalkan keharmonian dan kestabilan kerana hanya dengan keadaan demikian kita dapat bina negara dan mewujudkan suasana bahagia bagi rakyat," katanya ketika merasmikan lebuh raya lencongan Kuantan-Tanjung Ge-

lang di sini pagi ini.

Beliau berkata, tidak terdapat sebarang kekacauan antara kaum di Malaysia sejak 1969 tetapi ada golongan yang sentiasa cuba membangkitkan kebencian antara kaum dan mengambil peluang dari kecurigaan antara kaum itu.

Golongan ini berkata, sekiranya satu kaum menang satu kaum yang lain akan tertindas.

"Kita tidak mahu cara dan golongan ini," katanya sambil menegaskan bahawa rakyat mahukan kedamaian dan keharmonian antara kaum.